



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

9 November 2020
23 Rabiulawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan Indonesia ceroboh perairan negara• Kerah kudrat siang ikan bilis
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• 28 nelayan Indonesia diusir dari sempadan
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30	
							9/11/2020	

Nelayan Indonesia ceroboh perairan negara

UM M/S 30 9/11/2020

BATU PAHAT: Sebuah bot nelayan Indonesia bersama 28 awak-awak yang didapati menceroboh perairan negeri ini diusir dengan serta-merta oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Ini merupakan pengusiran pertama dilakukan Maritim Malaysia Johor setelah arahan penahanan ditangguhkan sementara berikutan langkah pencegahan penularan Covid-19 warga asing.

Pengarah Maritim Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kehadiran bot tersebut dikesan pada kedudukan 14.8 batu nautika barat daya Tan-

jung Labuh.

"Kehadiran bot itu dikesan oleh Bot Benteng Zon Maritim Batu Pahat yang sedang melaksanakan Op Benteng dan Op Jaksa di Sektor 7 perairan Batu Pahat pada pukul 5 petang.

"Bot Benteng Maritim ini kemudian merapat ke arah bot nelayan Indonesia tersebut dan mengarahkan berhenti untuk pemeriksaan.

"Bot berwarna hijau-biru dah bermombor pendaftaran A/711/KP-PS/OOI 132 itu didapati melepasi batu nautika garis sempadan perairan Malaysia-Indonesia lalu diiringi serta diusir keluar dari sempadan perairan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



BOT nelayan Indonesia bersama 28 kru yang menceroboh perairan negeri ini diusir dengan serta-merta oleh Maritim Malaysia. - GAMBAR MARITIM MALAYSIA

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		32 9/11/2020	

Kerah kudrat siang ikan bilis

UMH MS 32 9/11/2020

Oleh ROSLIZA MOHAMED
 utusannews@mediamulia.com.my

TUMPAT: Sisa kudrat yang ada digunakan wanita warga emas ini bagi mengambil upah menyang ikan bilis demi mendapatkan sejumlah wang bagi menyara hidup.

Rabiah Jusoh, 70, yang tinggal bersendirian di Kampung Pauh Seratus, Geting, di sini, lebih rela bersusah payah berbuat demikian kerana enggan menyusahkan tiga anak serta menantunya.

"Selagi diberi kesihatan dan kudrat, makcik akan terus mengambil upah menyang ikan bilis dengan bayaran RM10 sekilogram.

"Kebiasaan makcik akan dapat menyiapkannya dalam masa dua hingga tiga hari," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumahnya di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Rabiah dikunjungi Pengerusi Pertubuhan Amal Kebajikan Cempaka Merah, Che Norhayati Mohamad dan rombongan yang turut menyampaikan sumbangan bagi merin-

gankan beban wanita itu.

Rabiah dalam pada itu memberitahu, dia mula mengambil upah menyang ikan bilis sejak tiga tahun lalu selepas tidak lagi mampu keluar rumah kerana faktor usia.

Sebelum ini, dia mengambil upah menyang dan menjemur ikan.

Rabiah tinggal di rumah usang bersendirian selepas kematian suaminya, Ismail Daud, 12 tahun lalu.

Rumah yang didiami itu tidak mempunyai bilik serta tandas dan jika dia mahu membuang air besar, wanita itu terpaksa ke sungai yang terletak di belakang rumah.

"Rumah yang dibina sendiri ini sekadar untuk berlindung daripada panas dan hujan. Bekalan elektrik dan air disambungkan dari rumah anak, Amri Ismail, 37, yang tinggal berhampiran rumah saya," katanya.

Rabiah memberitahu, dia bersyukur apabila ada pihak yang sudi membantu membaik pulih rumahnya seperti menyediakan papan.



RABIAH Jusoh menunjukkan ikan bilis yang sudah disiang di rumahnya di Kampung Pauh Seratus, Geting, Tumpat. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: PO						14	9/11/2020

KOSMO MS 14 9/11/2020

28 nelayan Indonesia diusir dari sempadan

Oleh MOHAMAD FAHD RAHMAT

BATU PAHAT – Tindakan pantas Maritim Malaysia (APMM) berjaya menggagalkan cubaan sebuah bot nelayan Indonesia bersama 28 kru daripada terus menceroboh perairan negara di kedudukan 14.8 batu nautika barat daya Tanjung Labuh di sini kelmarin.

Pengarah APMM Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kehadiran bot tersebut dikesan kira-kira pukul 5 petang oleh Bot Benteng Zon Maritim Batu Pahat yang sedang melaksanakan Ops Benteng dan Ops Jaksa di Sektor 7 perairan Batu Pahat, Johor.

Susulan penahanan itu, APMM telah mengambil tindakan untuk mengusir keluar kesemua kru bot berkenaan.

"Ketika operasi dilakukan, Bot Benteng APMM bertindak merapat ke arah bot nelayan Indonesia tersebut dan mengarahkan berhenti untuk pemeriksaan.

"Bot berwarna hijau-biru de-

ngan nombor pendaftaran A/711/KP-PS/OOI 132 itu didapati telah melepasi satu batu nautika daripada garis sempadan perairan Malaysia-Indonesia dan telah diiring serta diusir keluar hingga ke sempadan perairan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Nurul Hizam, ini merupakan pengusiran pertama yang dilakukan APMM Negeri Johor, setelah arahan penahanan ditangguhkan sementara berikutan langkah pencegahan penularan Covid-19 oleh warga asing.

Katanya, Maritim Johor juga akan terus komited dalam menggalas tugas dan tanggungjawab walaupun cabaran keadaan cuaca yang tidak menentu terutama pada penghujung tahun ini.

"Penguatkuasaan terhadap bot nelayan asing dan kehadiran pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam perairan negara akan diperketatkan bagi membendung sebarang penularan pandemik khususnya kepada negeri Johor," katanya.



SEBAHAGIAN nelayan Indonesia yang dikesan menceroboh perairan negara di Tanjung Labuh, Batu Pahat kelmarin.